

19/07/2004

Pak Lah, Najib menang (HL)

By Azman Zakaria; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memenangi jawatan Presiden Umno tanpa bertanding apabila pencabar tunggalnya, Tengku Razaleigh Hamzah, gagal memperoleh pencalonan minimum bagi melayakkannya merebut jawatan itu.

Selepas keputusan 174 bahagian yang menyelesaikan mesyuarat diperoleh sehingga jam 12 tengah malam tadi, Perdana Menteri menerima 173 pencalonan termasuk 72 semalam, iaitu melepasi minimum 134 pencalonan yang diperlukan bagi membolehkannya menang tanpa bertanding.

Tengku Razaleigh pula kekal dengan satu pencalonan yang diterima daripada bahagiannya sendiri, Gua Musang, kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut memenangi jawatan Timbalan Presiden tanpa dicabar setelah memperoleh 100 peratus pencalonan daripada semua 174 bahagian berkenaan, iaitu melepasi minimum 153 pencalonan yang diperlukan untuk membolehkannya menang tanpa bertanding.

Kelayakan bagi bertanding jawatan Presiden memerlukan 58 pencalonan manakala Timbalan Presiden mesti mendapat sokongan minimum 39 bahagian.

Dengan hanya 16 bahagian belum bermesyuarat manakala satu lagi bahagian - Permatang Pauh, menangguhkan persidangan sehingga petisyen pilihan raya Parlimen kawasan itu diputuskan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, bermakna kedua-dua jawatan itu tidak akan menyaksikan pertandingan pada pemilihan parti September ini.

Justeru, Abdullah yang kini Pemangku Presiden, akan disahkan sebagai Presiden Umno keenam pada perhimpunan agung parti September ini. Presiden Umno sebelum ini ialah Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Najib pula akan menjadi Timbalan Presiden Umno ke-10 selepas Datuk Hamzah Abdullah, Abdul Razak, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Hussein, Dr Mahathir, Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Abdullah.

Kelmarin, empat orang termasuk seorang muka baru masing-masing menang tanpa dicabar untuk dua jawatan tertinggi dalam sayap Wanita dan Pemuda.

Mereka ialah Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Naib Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil serta Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin.

Sementara itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin terus mendahului senarai pencalonan Naib Presiden dengan mendapat sokongan 148 bahagian, diikuti Datuk Seri Mohd Ali Rustam (107), Tan Sri Muhammad Muhd Taib (83), Datuk Mustapa Mohamed (60), Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (34), Datuk Seri Adnan Yaakob (34), Datuk Shahrir Samad (24).

Shahrir adalah calon terbaru layak untuk bertanding selepas memperoleh 15 pencalonan semalam, termasuk lapan daripada Johor manakala Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mendapat 14 pencalonan setakat semalam kurang enam pencalonan untuk melayakkan diri.

Tiga lagi calon, Datuk Abdul Ghani Othman (enam), Datuk Zaid Ibrahim (empat) dan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (satu) pula masih belum melepasi kuota 20 pencalonan bagi kelayakan bertanding Naib Presiden. Bagaimanapun, kelmarin, Ghani mengumumkan tidak akan bertanding jawatan itu.

(END)